

Bangun pelan strategik 5 tahun majukan pendidikan, latihan, pengurusan harta tanah

# UMSLink tumpu 3 sektor utama

UM 21.03.2012 26



JUHAR Mahirudin (tengah) bersama Masidi Manjun (dua dari kanan), Hamid Egoh (kanan) dan K.Y Mustafa (dua dari kiri) memotong kek pada majlis makan malam UMSLink di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Oleh **ABDUL RASHID  
ABDUL RAHMAN**  
[utusansabah@utusan.com.my](mailto:utusansabah@utusan.com.my)

**KOTA KINABALU** 20 Mac - Anak syarikat Universiti Malaysia Sabah (UMS) UMSLink akan memberi tumpuan kepada tiga sektor utama dalam membangunkan pelan strategik lima tahun bermula tahun depan.

Pengerusi Kumpulan UMSLink, Datuk K.Y Mustafa berkata, sektor utama yang digariskan dalam pelan strategik kedua itu ialah memajukan bidang pendidikan dan latihan, perniagaan berdasarkan pertanian dan pengurusan harta tanah.

"Kami amat yakin dengan sokongan berterusan daripada UMS, pelan tersebut akan mampu dicapai dengan jayanya," katanya ketika berucap pada majlis makan malam UMSLink di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahirudin; Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Masidi Manjun dan Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri Abdul Hamid Egoh.

Menurutnya, setakat ini UMSLink telah berjaya menunjukkan prestasi cemerlang khususnya dalam meningkatkan pendapatan UMS.

Beliau memberitahu, pada masa ini UMSLink telah menujuhkan tiga anak syarikat dan mewujudkan 10 rakan kongsi perniagaan.

Katanya, pada tahun lalu perolehan bersih UMSLink ialah sebanyak RM8 juta.

"Ini menunjukkan kegigihan dan dedikasi lembaga pengarah syarikat terutama pengurusan dan kakitangan dalam membawa UMSLink ke tahap yang lebih tinggi," ujarnya.